

DiGi lancar akses WiFi untuk pengendali pengangkutan darat

KUCHING: DiGi Telecommunications Sdn Bhd (DiGi) melancarkan kemudahan sambungan tanpa wayar (WiFi) yang membolehkan syarikat bas dan kereta api serta pengendali pengangkutan darat yang lain menawarkan akses Internet yang lancar kepada penumpang semasa dalam perjalanan.

WiFi iFleet merupakan produk pertama DiGi berasaskan langganan yang menawarkan sambungan WiFi bertujuan meningkatkan pengalaman penumpang dengan menjadikan masa perjalanan mereka lebih produktif.

Perkhidmatan baharu ini telah diuji oleh beberapa pengguna dan terkini di Sarawak melalui Bas Kuching, yang merupakan perkhidmatan bas elektrik di negeri ini.

Inisiatif ini telah diterima baik kerana berhasil memberi akses Internet yang cepat dan lancar kepada penumpang sepanjang perjalanan harian mereka.

Ketua Pegawai Digital DiGi Praveen Rajan berkata, kemudahan WiFi di

tempat awam yang semakin banyak telah meningkatkan keperluan penumpang untuk sentiasa berkomunikasi atas urusan kerja atau dalam rangkaian sosial mereka, di mana sahaja mereka berada.

"Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada tahun 2018, 68.1 peratus rakyat Malaysia menggunakan Internet semasa mereka dalam perjalanan.

"Oleh itu, inisiatif yang dilakukan untuk meningkatkan tahap produktiviti mereka semasa dalam perjalanan mampu menjadikan penggunaan pengangkutan awam dan komersial lebih menarik.

"Malah, kini kemudahan WiFi dianggap sebagai satu keperluan penting yang harus disediakan oleh pengendali pengangkutan darat," katanya dalam kenyataan media semalam.

Dengan WiFi iFleet, pengendali pengangkutan darat dapat mengurangkan kos menerusi faedah daripada pelaburan muka yang dibuat pada kadar minimum.

Perkhidmatan langganan yang ringkas ini menyediakan perkhidmatan WiFi dengan kos yang jauh lebih rendah di mana pada kebiasaannya sangat mahal untuk kenderaan komersial.

Syarikat pengendali kenderaan komersial dan pengangkutan darat juga boleh memaparkan mesej yang bersesuaian dengan jenama mereka di halaman utama WiFi bagi memperibadikan lagi perkhidmatan mereka kepada penumpang.

Selain itu, pengendali juga boleh memaparkan iklan di halaman utama untuk terus menjana keuntungan daripada perkhidmatan yang ditawarkan.

Memandangkan terdapat peningkatan terhadap penggunaan peranti mudah alih yang menyokong ciri WiFi seperti telefon pintar dan tablet, WiFi merupakan kemudahan yang berkesan bagi mengumpul data dan maklumat penumpang.

Kelebihan ini boleh dimanfaatkan oleh pengendali pengangkutan darat untuk meningkatkan perkhidmatan mereka.

"Dengan WiFi iFleet,



Dari kiri **KETUA** Perniagaan DiGi Sarawak Wayne Goh, Pengarah Urusan Henz Pacific Sdn Bhd Henry Lai, Ketua Operasi Perniagaan DiGi Irene Noel, Pengurus Akaun Syarikat DiGi Bryan Voon, Pengurus Kawasan DiGi (Barat) Alvin Ng, Ketua Jabatan DiGi Sarawak Casper Goh dan Pengurus Saluran Tony Law melancarkan kemudahan WiFi untuk pengangkutan darat.

pengendali pengangkutan darat bukan sahaja dapat memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada penumpang malah mereka juga dapat menjimatkan kos operasi.

"Maklumat serta pandangan penumpang juga membantu dalam usaha memenuhi kehendak mereka.

"Hal ini selari dengan matlamat utama kami untuk menyediakan perkhidmatan yang terbaik buat pelanggan dan membantu dalam mengembangkan perniagaan mereka," jelas Praveen.

WiFi iFleet menyediakan sambungan yang stabil dan pantas melalui rangkaian 4G-LTE DiGi.

Perkhidmatan ini menyokong beberapa pengguna dalam masa yang sama dan turut menawarkan sambungan melangkaui sempadan meliputi Singapura dan Thailand.

Untuk maklumat lanjut atau pendaftaran WiFi iFleet, sila layari <http://ifleet.my/ifleet-wifi>.